

Impak perubahan iklim dunia

GELOMBANG haba yang melanda Jepun pada masa ini berkemungkinan disebabkan sistem tekanan tinggi yang tertumpu di negara tersebut yang berlaku dalam jangka masa lama.

Pakar klimatologi dan oseanografi yang juga Pengerusi Pusat Sains Bumi dan Alam Sekitar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Fredolin Tangang berkata, fenomena itu mencetuskan *blocking* atau penghadangan.

"Apakah yang menyebabkan sistem tekanan tinggi yang boleh bertahan lama daripada

biasa dan mencetuskan *blocking* ini? Terdapat kajian menunjukkan ia berkemungkinan berkaitan perubahan iklim dunia yang merubah mekanisme pergerakan sistem tekanan tinggi dan rendah," katanya ketika dihubungi *Kosmo!*

Menurutnya fenomena gelombang haba juga berlaku di beberapa kawasan lain di dunia misalnya Britain di Eropah. Fredolin berkata, apabila berlaku penghadangan, ia akan meningkatkan pancaran sinar matahari menembusi permukaan



FREDOLIN

bumi di kawasan terbabit.

"Sistem tekanan tinggi yang mendominasi rantau di Jepun pada masa yang lama meningkatkan insolasi pancaran sinar matahari, meningkatkan haba dan suhu, menghalang perolakan dan seterusnya berlaku gelombang haba," katanya.

Menyentuh mengenai keseriusan masalah kepanasan atau *heat stress*, Fredolin berkata, ia bergantung kepada dua faktor iaitu suhu dan kelembapan.

"Apabila suhu tinggi di sesebuah

negara yang berkelembapan tinggi seperti Jepun, kepanasan itu dirasakan lebih memeritkan. Jika sesebuah negara itu bersuhu tinggi dan memang berada di kawasan beriklim panas seperti di negara-negara Arab yang adakalanya boleh mencecah 50 darjah Celsius, kesan kepanasan mungkin tidak seteruk yang dirasakan oleh mereka di kawasan yang sinonim dengan cuaca sejuk.

"Mungkin itu sebabnya banyak kejadian kematian terjadi di Jepun berkait gelombang haba. Saya juga baru pulang dari Britain dan saya dapati panasnya lebih panas berbanding Malaysia," ujarnya.